

31/01/2003

`Kita menjadi sasaran' (HL)

Kadir Dikoh; Daud Awang; Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Singapura menjadikan Malaysia `kambing hitam' atau sasaran dalam kempen bencinya untuk mengalihkan perhatian rakyat republik itu daripada masalah politik dalaman dan ekonomi serius yang dihadapinya sekarang.

Sehubungan itu, mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam membuat pendirian bahawa Malaysia tidak akan terikut-ikut dengan kerenah Singapura atau membiarkan Kuala Lumpur dijadikan objek kempen membenci republik itu semata-mata bagi mengaburi mata rakyatnya daripada hakikat sebenar berlaku di sana.

Bercakap pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ekonomi Singapura kini berada dalam keadaan teruk hingga syarikat milik kerajaannya kerugian berbilion dolar.

Keadaan itu mendorong kerajaan pimpinan Parti Tindakan Rakyat (PAP) mengalih perhatian kepada isu hubungan dengan Malaysia.

Malah, Perdana Menteri berkata, ada puak dalam PAP berusaha untuk membuktikan mereka lebih bersemangat Singapura daripada yang lain, hingga bersikap agresif dalam kecaman terhadap Malaysia.

"Ekonominya tidak berkembang, malah tumbuh negatif dan banyak pengangguran. Ada orang yang pernah bekerja dalam bank, kini jadi pemandu teksi. Secara umumnya rakyat Singapura tidak senang dengan keadaan itu, sesuatu yang tidak pernah mereka alami sebelum ini.

"Kerana itu, kerajaan terpaksa mengalih perhatian dan menjadikan Malaysia sebagai scapegoat. Mereka kini bercakap mengenai kedaulatan, harga air dan Malaysia bertindak agresif kerana masalah dalaman mereka.

"MT memutuskan yang kita tidak akan terikut-ikut dengan kerenah mereka untuk membantu mengatasi masalah itu. Mereka boleh uruskan sendiri masalah mereka. Saya yakin mereka orang bijak. Kita tidak akan menjadi sasaran kempen benci mereka," katanya.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno berkata, syarikat milik Kerajaan Singapura juga mengalami kerugian besar menerusi pelaburan dalam syarikat seperti Enron, Virgin Airlines, New Zealand Airlines serta menerusi pelaburan mereka di China.

Singapura juga, katanya, mungkin kecewa kerana pemindahan operasi syarikat perkapalan besar seperti Maersk dan Evergreen dari republik itu ke pelabuhan di Malaysia.

Bagaimanapun, masalah itu bukan sesuatu yang boleh dibincangkan secara terbuka di republik itu, malah akhbar di sana juga tidak boleh melaporkannya bagi memberitahu orang ramai mengenai kerugian menerusi pelaburan itu.

Beliau menjelaskan, harga air yang dibekalkan ke Singapura bukan masalah pokok, sebaliknya berkisar persoalan kedaulatan republik itu.

Sambil menegaskan soal kedaulatan itu adalah rekaan Menteri Luar Singapura, Perdana Menteri bertanya siapakah memberikan kedaulatan kepada republik itu, yang dulunya cuma sebahagian daripada Malaysia.

Oleh itu, Dr Mahathir berkata, tiada sebab bagi Singapura untuk memperkecilkan kedaulatannya dan tidak kena mereka mengaitkan soal harga air dengan isu kedaulatan.

"Kita menjual air kepada mereka lama sebelum ini iaitu ketika penjajahan British. Tidak ada persoalan kedaulatan sama sekali. Sekarang mereka cuba kaitkan dengan kedaulatan.

"Sebenarnya harga air tidak penting. Saya yakin ia tidak penting kepada

mereka, kerana berapa sangat jumlahnya. Singapura mempunyai rizab AS\$88 bilion dan mereka boleh bayar jumlah yang kita minta dan jumlahnya terlalu sedikit daripada belanjawan mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, akhbar Straits Times Singapura dalam laporannya semalam juga tersilap apabila mendakwa Malaysia menghentikan bekalan air ke republik itu selepas 2061 kerana yang dihentikan ialah bekalan air mentah selepas tarikh itu.

Selepas 2061, katanya, Malaysia akan membekalkan air yang dirawat dan sudah tentu Kuala Lumpur mahukan harga lebih tinggi memandangkan kos merawat air agak mahal.

"Kita akan teruskan bekalan air, malah kita memberi jaminan kepada rakyat Singapura bahawa kita akan sentiasa membekalkan air yang cukup untuk minum dan mandi, malah mereka tidak perlu guna proses lain.

"Kita anggap rakyat Singapura sebagai jiran, kawan, malah seperti adik beradik kerana ramai mereka sebenarnya rakyat Malaysia. Kita tidak bergaduh dengan rakyat Singapura. Bukan niat kita melucutkan hak mereka memperoleh air," katanya.

Perdana Menteri berkata, kenaikan harga air itu nanti adalah sejajar dengan perjanjian sebelum ini iaitu harganya dikaji selepas 25 tahun, bukan 25 tahun kemudian `kerana selepas 25 tahun juga boleh menjadi selepas 100 tahun kemudian'.

"Jadi saya ingin menjelaskan bahawa kita tidak bergaduh dengan rakyat Singapura, kita tak ada niat untuk berperang dengan mereka seperti dicadang dalam perbincangan sayap belia parti PAP di laman webnya.

"Kita berpendapat perbincangan mengenai perang dan kedaulatan harus dihentikan. Singapura adalah negara merdeka, kita mempunyai Pesuruhjaya Tinggi di sana dan mereka mempunyai Pesuruhjaya Tinggi di sini.

"Tidak ada jalan kita akan menjajah mereka atau berbuat apa terhadap mereka, apatah lagi untuk berperang dengan mereka. Malah kita mengalu-alukan rakyat dan pelabur Singapura datang ke sini, beli hartanah," katanya.

Beliau berkata, dengan kedudukan Singapura sebagai sebuah pulau kecil, sebarang tindakan yang ditujukan khas ke situ akan menyebabkan banyak kerosakan dan orang tidak bersalah cedera.

Sementara itu, di ALOR GAJAH pagi semalam, Dr Mahathir menyifatkan Singapura tidak jujur apabila mendedahkan kandungan surat dan dokumen berhubung perbincangan rasmi peringkat pegawai tinggi membabitkan Malaysia dan republik itu mengenai isu air.

Sambil menyangkal faktanya, Perdana Menteri berkata surat dan dokumen itu adalah rahsia kerajaan dan tidak wajar didedahkan.

"Faktanya adalah tidak tepat. Saya fikir tidak wajar surat dan dokumen itu didedahkan kerana ia adalah sulit. Ini menunjukkan ketidakjujuran," katanya kepada pemberita selepas merasmikan kilang pengeluaran kereta Honda, di Pegoh.

Secara simbolik Dr Mahathir berkata: " Saya rasa tidak elok apabila anda menulis surat kepada teman wanita dan kemudian teman wanita anda mengedarkan surat itu kepada semua teman lelakinya. Saya fikir, saya tidak boleh bersama teman wanita bersikap seperti itu," katanya.

Beliau mengulas penerbitan 19 surat antara pemimpin Malaysia dan Singapura antara 2000 dan 2001 oleh Singapura menerusi Singapore Straits Times, akhbar milik Singapore Press Holdings.